

04/07/1997

PM mahu identiti bandar raya diubah

Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha perlu ditingkatkan bagi mengatasi masalah dihadapi bandar raya akibat begitu terdedah kepada kesan negatif oleh perubahan sosial yang pantas.

Menurut Perdana Menteri, banyak bandar raya perlu mengubah falsafah dan identiti dalam usaha memperbaiki mutu kehidupan ketika mereka berhempas pulas menghadapi pertambahan penduduk, bangunan pencakar langit, kesesakan lalu lintas dan permintaan perkhidmatan oleh penghuni kota yang terus meningkat.

Dalam perutusan buku cenderamata Pameran Kehidupan Berkualiti di Bandar raya sempena Persidangan Datuk Bandar Selatan-Selatan 1997 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata kebanyakan bandar raya di negara membangun menghadapi masalah universal seiring dengan pertumbuhan yang pesat.

Ini termasuk masalah kepadatan penduduk, kelancaran lalu lintas, kualiti udara dan setinggan yang mendorong kepada permasalahan sosial dan fizikal yang lain.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berupaya menangani banyak masalah yang berkaitan dengan pertumbuhan itu. Walaupun Kuala Lumpur adalah antara bandar raya yang paling cepat membangun di Asia, DBKL telah mengekalkan dan berupaya membantu memperbaiki kepelbagaian bandar raya itu dan kehidupannya," katanya.

Menurutnya, persidangan itu yang diadakan sempena sambutan Jubli Perak DBKL, adalah relevan kepada bandar raya di seluruh dunia khususnya bandar raya di hemisfera Selatan.

Katanya, persidangan itu tanpa ragu-ragu lagi adalah satu forum yang sangat penting bagi membolehkan wakilnya bertukar-tukar idea, pengalaman dan kepakaran selain mengenal pasti masalah bersama yang berlaku di bandar raya seluruh dunia.

"Kita sekarang berada dalam era di mana perubahan teknologikal dan bioteknologikal memberi kesan mendalam kepada kehidupan kita. Bersama kecanggihan teknologi maklumat maka cara kita bekerja dan hidup juga akan berubah selain mempengaruhi nilai masyarakat.

"Disebabkan penumpuan oleh sekumpulan besar manusia, bandar raya sangat terdedah kepada kesan negatif dan perubahan sosial yang pantas. Oleh itu usaha mesti dipertingkatkan untuk membendung gejala itu," katanya.

(END)